

PENGENALAN

Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi adalah sebuah jabatan yang bertempat di aras satu bangunan hospital Blok Fasa I . Ia terdiri daripada Wad Rawatan Rapi (ICU Intan, ICU Teratai dan ICU Temenggong), Wad Rawatan Rapi Koronari (CICU), Kompleks Dewan Bedah yang terletak dilokasi yang berbeza (Dewan Bedah Intan, Dewan Bedah Fairuz, Dewan Bedah Zamrud dan Dewan Bedah di Komplek Pusat Rawatan Harian) , Klinik Anestesia (*Preoperative Assessment Clinic*) dan Klinik Pengurusan Kesakitan (*Pain Clinic*) .

a) Wad Rawatan Rapi (ICU Intan)

Terletak di aras satu (1) bersebelahan dengan kompleks Dewan Bedah Intan. Mempunyai 7 katil dengan 2 katil untuk pengasingan (isolasi).

b) Wad Rawatan Rapi (ICU Teratai)

Terletak di aras yang sama dengan ICU Intan dan bersebelahan dengan Wad Rawatan Jantung (CCU). Mempunyai 14 katil dengan 6 katil isolasi.

c) Wad Rawatan Rapi Temenggong (ICU Temenggong)

Terletak di aras 2 dengan menaiktaraf 8 katil *High Dependency Unit* Wad Temenggong kepada ICU pada bulan September 2017 (di kubikal 3 dan 4 sahaja)

d) Wad Rawatan Rapi Koronari (CICU)

Terletak bersebelahan dengan ICU Intan yang menempatkan 5 katil dengan 2 katil isolasi.

e) Dewan Bedah

Terdapat tiga belas (13) Bilik Bedah (*Operation Room*) yang beroperasi di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu. Empat (4) daripadanya bertempat di Kompleks Dewan Bedah Intan yang terletak di aras satu bangunan baru fasa 1. Dua (2) daripadanya bertempat di Kompleks Dewan Bedah Fairuz yang terletak di aras bawah bangunan tiga tingkat (kompleks Pembedahan) , satu (1) terletak di Kompleks Dewan Bersalin sementara enam (6) lagi terletak di Kompleks Pusat Rawatan Harian . Semua pesakit yang menerima perkhidmatan pembiusan haruslah mematuhi polisi yang telah ditetapkan oleh Dewan Bedah.

f) Klinik Anestesia (*Preoperative Assessment Clinic*)

Terletak pada aras 5 Kompleks Pusat Rawatan Harian (ACC) yang beroperasi setiap hari bekerja dengan menerima rujukan pesakit dari unit pembedahan lain (*surgical based discipline*) dengan membuat temujanji . Klinik ini dikendalikan oleh dua orang Pegawai Perubatan Anestesiologi dengan pengawasan Pakar Anestesiologi dan dibantu oleh tiga orang Jururawat Terlatih.

g) Klinik Pengurusan Kesakitan (*Pain Clinic*)

Terletak di aras 2 Kompleks Pusat Rawatan Harian (ACC) yang beroperasi dan berfungsi dua hari seminggu (hari Isnin dan Selasa) untuk kesakitan kronik sementara hari Rabu adalah hari prosedur intervensi . Ia dikendalikan oleh Pakar Anestesiologi (subkepakaran Pengurusan Kesakitan) dengan dibantu oleh Pegawai Perubatan Anestesiologi dan Jururawat Terlatih (*pain nurse*).